



**PEJABAT KETAU PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA**

KENYATAAN MEDIA

PROSEDUR PENGENDALIAN MEDIASI

Dimaklumkan bahawa mediasi di Mahkamah kini boleh dijalankan secara dalam talian tanpa kehadiran pihak-pihak ke Mahkamah. Sesi mediasi secara dalam talian ini merupakan alternatif kepada mediasi yang dijalankan di Pusat Mediasi Mahkamah.

Mediasi secara dalam talian ini merupakan satu inisiatif Badan Kehakiman Malaysia dalam memastikan akses kepada keadilan dapat diberikan kepada semua peringkat masyarakat seiring dengan norma baharu yang diamalkan pada masa kini. Tiada perubahan bagi prosedur mediasi secara dalam talian berbanding mediasi di Pusat Mediasi Mahkamah melainkan perbezaan mod perhubungan iaitu sesi mediasi secara dalam talian boleh dijalankan dengan menggunakan medium komunikasi melalui aplikasi yang dipersetujui oleh pihak-pihak seperti Skype atau Zoom.

Sehubungan dengan itu, bagi memudahkan orang ramai memahami tatacara pengendalian mediasi tersebut, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia telah mengeluarkan Prosedur Pengendalian Mediasi Secara Dalam Talian dan Prosedur Pengendalian Mediasi di Pusat Mediasi Mahkamah. Kedua-dua Prosedur ini merangkumi tatacara pengendalian mediasi yang terbahagi kepada pra mediasi, semasa mediasi dan pasca mediasi. Prosedur ini berkuatkuasa bermula 2 Jun 2020.

Infografik berkenaan Prosedur tersebut boleh diakses melalui Portal Rasmi Badan Kehakiman Malaysia di pautan www.kehakiman.gov.my

Terima kasih.

Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Tarikh: 2 Jun 2020